

02 DEC 2002

Raya-Terbuka

PM THAI DAN 10,000 RAKYATNYA DIJANGKA HADIRI RUMAH TERBUKA AIDIL FITRI

ALOR STAR, 2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra dan kira-kira 10,000 rakyatnya serta beberapa menteri dan gabenor wilayah negara itu akan menghadiri majlis Rumah Terbuka Aidil Fitri peringkat kebangsaan di negeri ini pada 21 Dis ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata majlis Rumah Terbuka di Taman Tema Bandar Darulaman, Jitra, itu dijangka menerima kunjungan lebih 200,000 orang di sekitar Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.

Turut dijadualkan berangkat ke majlis itu ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid serta Sultan dan Sultanah Kedah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin-pemimpin negara juga akan menghadiri majlis berkenaan.

"Saya harap semua rakyat Malaysia akan hadir ke Rumah Terbuka itu kerana ia bukan untuk orang Melayu sahaja tetapi untuk semua rakyat Malaysia yang berbilang-bilang kaum," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Rumah Terbuka yang dipengerusikan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain di sini, semalam.

Abdul Kadir berkata acara tahunan itu di Johor Baharu tahun lepas juga menerima tetamu dari Singapura.

Katanya untuk memudahkan orang ramai dari Thailand datang ke majlis itu, kemudahan bas akan disediakan di pintu sempadan dan bercadang membuka pintu sempadan di Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar selama 24 jam pada hari berkenaan berbanding 6 pagi sehingga 12 malam pada hari lain.

Majlis rumah terbuka itu mendapat kerjasama baik dari kerajaan Thailand dan merupakan usaha untuk mengeratkan lagi hubungan kedua-dua negara berjiran itu, katanya.

Selain itu, kabinet Malaysia yang diketuai Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan anggota kabinet Thailand di Haadyai, Thailand pada 22 Dis ini.

Abdul Kadir berkata Rumah Terbuka kebangsaan kali ini turut diserikan dengan persembahan daripada Siti Nurhaliza, Erra Fazira dan KRU serta penghibur dari Thailand.

--BERNAMA

FIZ IAW MZM NAK